

## UNIT 5: KEADILAN & KEPRIHATINAN DALAM MEMBUAT KEPUTUSAN

**TONTON VIDEO DI BAWAH DENGAN TELITI DAN FAHAMKAN  
SEBELUM MENJAWAB SOALAN YANG DIBERIKAN.**



- 1) Apakah **maksud ADIL** dari video yang ditonton?
  - a) Adil ialah tindakan dan keputusan yang tidak baik serta berat sebelah
  - b) Adil ialah tindakan dan keputusan yang saksama serta tidak berat sebelah
  - c) Adil ialah bermain dan keputusan yang sama-sama serta berat sebelah
  
- 2) Pilih **4 contoh Keadilan** dalam kehidupan seharian kita?
  - a) Memberi sesuatu secara sama rata
  - b) Tidak melaporkan kesalahan rakan kepada guru
  - c) Memberi tugas secara adil kepada rakan kelas
  - d) Tidak menuduh seseorang tanpa usul periksa
  - e) Tidak bersikap pilih kasih dengan rakan-rakan
  - f) Tidak menjalankan tugas dengan amanah

3) Berapakah **CONTOH** sikap adil dalam video tersebut?

4) Apakah **3 CONTOH** sikap adil Aaron dalam video tersebut?

- a) Aaron mengagihkan air mineral sama rata kepada warga sekolah
- b) Aaron bersembunyi dalam tandas
- c) Aaron melaporkan kesalahan disiplin kepada guru
- d) Aaron memberikan hadiah kepada semua guru yang mengajarnya

5) Siapakah yang berlaku adil dalam kelas Tahun 3 Hijau?

6) Apakah **2 perkara** yang dilakukan oleh Erwin terhadap rakan sekelasnya?

- a) Erwin memarahi rakan sekelasnya
- b) Erwin membahagikan tugas menceriakan kelas Tahun 3 Hijau
- c) Erwin mengambil semua hadiah yang dimenangnya
- d) Erwin membahagikan hadiah sama rata kepada rakan sekelasnya

7) Tuliskan **ADIL** atau **TIDAK ADIL** pada situasi di bawah.

- a) Memotong barisan semasa membeli makanan di kantin
- b) membenarkan rakan baik anda sahaja keluar kelas untuk berjumpa guru
- c) Tidak mahu berkongsi hadiah kemenangan dengan rakan baik
- d) Tidak menuduh seseorang tanpa usul periksa

